

Banjir: Perlu ada tindakan segera semua pihak

KLANG - Satu langkah drastik di-geza bagi mengatasi masalah banjir yang melanda Kampung Meru, Sabtu lalu, hingga memaksa lima keluarga dipindahkan.

Ahli Majlis Perbandaran Klang (MPK) Zon N42 (B) Meru, Noor Najhan Mohd Salleh berkata, pihak bertanggungjawab harus mengambil tindakan terhadap sistem saliran di kawasan itu yang terganggu akibat dipenuhi kangkung yang tumbuh subur di kawasan itu.

"Kita dapati jambatan di pintu masuk Aman Perdana agak rendah dan mendap turut menghalang laluan air.

"Selain itu, longkang di taman industri ditutup pemilik premis juga mengundang kejadian ini.

"Kita syak kejadian ini juga berhubung kait dengan kehilangan injap kekunci (valve) dan longkang sepanjang Jalan Meru tidak diselenggara," katanya kepada Sinar Harian ketika turun padang melawat lokasi kejadian dan juga mangsa banjir, di Kampung Meru, di sini semalam.

Hadir Sama, Adun Meru, Dr Abd Rani Osman dan Ketua



Keadaan saliran yang tidak terurus antara punca air naik selepas hujan lebat.

Kampung Meru, Thaifor.

Dalam kejadian Sabtu lalu, Noor Najhan berkata, lima kawasan dalam kampung Meru dilanda banjir mem-babitkan Jalan Haji Abd Manan, Jalan Teratai, Jalan Geledang (taman indu-stri), Taman Nyatoh dan Taman Seri

Jaya (kawasan perumahan).

"Kejadian ini berlaku sekitar jam 8.30 pagi mem-babitkan 31 kediaman dinaiki air setinggi sekaki setengah.

"Kejadian ini disifatkan luar biasa kerana kawasan itu jarang dinaiki air," katanya.

Dalam kejadian itu juga, katanya, lima keluarga dipindahkan dan ditempatkan di Dewan MPK Meru dan turut dibantu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Tindakan awal turut dilakukan MPK, Jabatan Pengaliran dan Saliran

“ Dalam kejadian Sabtu lalu, Noor Najhan berkata, lima kawasan dalam kampung Meru dilanda banjir mem-babitkan Jalan Haji Abd Manan, Jalan Teratai, Jalan Geledang (taman industri), Taman Nyatoh dan Taman Seri Jaya (kawasan perumahan).”

- Noor Najhan

(JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) pada hari kejadian.

"MPK melalui Jabatan Perkhidmatan Persekitaran (JPP) dan Skuad Pantas membersihkan sistem perparitan bermula di Jalan Meru hingga ke Aman Perdana.

"JPS juga tidak berkecuali apabila turut membersihkan sistem itu dari Aman Perdana hingga ke Jalan Kapar," katanya.

Noor Najhan berkata, tindakan drastik harus diteruskan pihak terlibat bagi mengelak kejadian sama berulang hingga menjejaskan aktiviti penduduk di sini.